

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961
DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)
DISEMBER 2022

Arahan Kepada Calon-Calon

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:

Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab:

Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu

***** SEMOGA BERJAYA*****

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi tiga puluh (30) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab semua soalan. Setiap soalan mempunyai 1 markah.

- 1) Waktu berkerja seminggu minimum di jabatan-jabatan kerajaan ialah
 - a. 37 $\frac{1}{4}$ Jam
 - b. 37 $\frac{1}{2}$ Jam
 - c. 38 $\frac{1}{2}$ Jam
 - d. 38 $\frac{1}{4}$ Jam
- 2) Pengiklanan jawatan kosong menurut Bab 38 (a) ialah
 - a. Iklan terbuka kepada orang ramai
 - b. Iklan untuk kakitangan di semua Kementerian dan Jabatan
 - c. Iklan untuk kakitangan dalam Kementerian dan Jabatan sahaja
 - d. Iklan khusus untuk orang ramai dan kakitangan kerajaan
- 3) Kadar pembayaran gaji sehari bagi pemegang **kelulusan Ijazah Sarjana** sepertimana yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007 ialah
 - a. \$127.70
 - b. \$119.50
 - c. \$140.60
 - d. \$113.30

- 4) Siapakah pihak yang membenarkan bagi permohonan Cuti Tidak Bergaji selama 20 hari bagi tujuan mengikuti kursus atas perbelanjaan sendiri?
- a. Unit Latihan Dalam Perkhidmatan, JPA
 - b. Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - c. Ketua Jabatan masing-masing
 - d. Jabatan Perkhidmatan Awam
- 5) Tempoh lantikan memangku bagi jawatan Pegawai Kakitangan di Bahagian II dalam Buku Anggaran Perbelanjaan adalah selama....
- a. 14 hari keatas
 - b. 11 hari atau lebih
 - c. 11 hari kebawah
 - d. 1 hari atau lebih
- 6) Kuasa membenarkan memangku semua jawatan dalam Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS) bagi tempoh 180 hari atau lebih ialah
- a. Jabatan Perdana Menteri
 - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - c. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - d. Kementerian Kewangan dan Ekonomi

- 7) Kadar baksis yang diberikan kepada pegawai kontrak asing dalam Bahagian III adalah
- a. 10 %
 - b. 15 %
 - c. 20 %
 - d. 25 %
- 8) Kelayakan cuti kontrak asing bagi Bahagian III yang berumur 40 tahun ialah
- a. 48 hari
 - b. 32 hari
 - c. 26 hari
 - d. 24 hari
- 9) Apakah yang akan terjadi kepada baki cuti pegawai kontrak asing yang tidak sempat diambil dalam tempoh tertentu?
- a. Dibawa ke kontrak seterusnya
 - b. Mansuh dengan sendirinya
 - c. Dibayar oleh kerajaan
 - d. Boleh diambil bila-bila masa

- 10) Berapakah kadar Elaun Bermalam (semalam) bagi pegawai dalam Bahagian III yang menjalankan tugas di dalam negeri dan tinggal bermalam di luar dari kawasan tempatnya bertugas?
- a. \$25.00
 - b. \$30.00
 - c. \$35.00
 - d. \$40.00
- 11) Elaun pakaian pegawai yang menjalankan tugas-tugas rasmi di luar negeri di negara-negara yang berhawa sejuk menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil: 25/1984 ialah
- a. \$500.00
 - b. \$1000.00
 - c. \$1500.00
 - d. \$1750.00
- 12) Kadar bonus tahunan yang akan diberikan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Luar Negeri ialah
- a. 1 x gaji pokok (100%)
 - b. 1 ½ x gaji pokok (150%)
 - c. Tertakluk kepada keputusan peperiksaan
 - d. Tidak ada bonus diberikan

- 13) Kadar maksimum baki cuti yang terkumpul pada bila-bila masa bagi pegawai dan kakitangan Bahagian I hingga V ialah
- a. 102 hari
 - b. 105 hari
 - c. 108 hari
 - d. 115 hari
- 14) Cuti Lebih Masa (Off In Lieu) hanya diberikan kepada pegawai dan kakitangan di Bahagian III, IV dan V serta pekerja yang bergaji hari. Berapakah kadar Cuti Lebih Masa (Off In Lieu) yang dibenarkan dalam 1 tahun?
- a. 5 hari
 - b. 6 hari
 - c. 7 hari
 - d. 8 hari
- 15) Bagaimanakah kedudukan kenaikan tahunan gaji pegawai kerajaan yang dibenarkan Cuti khas menemani suami / isteri bertugas di luar negeri?
- a. Kenaikan tahunan diberhentikan
 - b. Kenaikan tahunan dikumpulkan
 - c. Kenaikan tahunan tidak terjejas
 - d. Kenaikan tahunan diganjakkan

- 16) Cuti Batuk Kering maksimum ialah selama 6 bulan. Jika pegawai yang sakit itu belum sembuh maka tindakan berikut hendaklah diambil iaitu:
- a. Sambung cuti batuk kering selama 6 bulan lagi
 - b. Laporkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - c. Disarankan untuk mengambil cuti tidak bergaji
 - d. Satu mesyuarat Lembaga Perubatan akan diadakan
- 17) Tempoh Cuti Tidak Bergaji yang diambil oleh kakitangan kerajaan akan mengakibatkan terjejasnya perkara berikut. Sila pilih satu yang paling tepat .
- a. Sokongan LDP
 - b. Permohonan Skim Perumahan Negara
 - c. Tempoh Perkhidmatan
 - d. Pengeluaran TAP
- 18) Kebenaran mendiami rumah / pangsa akan dibatalkan apabila pegawai didapati termasuk dalam salah satu keadaan berikut iaitu:
- a. Bertugas di sektor swasta dibawah program peminjaman
 - b. Mendapat Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati
 - c. Bertugas di luar negeri melebihi (1) Tahun
 - d. a , b dan c

- 19) Mata pelajaran bagi peperiksaan kerani-kerani rendah ialah
- a. Aturan Pejabat, Pengetahuan Am dan MIB
 - b. MIB, Trengkas dan Pengetahuan Am
 - c. Pengetahuan Am, Aturan Pejabat dan Surat Menyurat
 - d. Surat Menyurat, Aturan Pejabat dan MIB.
- 20) Tatacara perhubungan persuratan dalam kementerian / Jabatan diantara Setiausaha Tetap dengan Jabatan yang bukan dalam kementeriannya ialah
- a. Bersurat (letterhead)
 - b. Memorandum (memo)
 - c. Minit Keliling dan Surat Pemberitahuan
 - d. Memorandum (memo) dan Bersurat (letterhead)
- 21) Berapakah ciri yang terdapat didalam Buku Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam?
- a. 10 ciri
 - b. 11 ciri
 - c. 12 ciri
 - d. 13 ciri

- 22) Apa pengertian **simbol** bagi rajah  dalam Carta Aliran Kerja Manual Prosedur Kerja (MPK)
- a. Penyambung
 - b. Tindakan (Langkah)
 - c. Aliran Tindakan
 - d. Pilihan / Keputusan
- 23) TPOR diperkenalkan pada tahun 1995 sempena Hari Perkhidmatan Awam ke-2. Apakah focus bagi TPOR?
- a. Orang Ramai
 - b. Piawai (Standard)
 - c. Sikap / Etika
 - d. a, b dan c
- 24) Keahlian Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj sepertimana dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 05/2021 terdiri dari beberapa orang ahli. Sila pilih satu yang bukan ahli
- a. Jurukira Agung
 - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - c. Juruaudit Agung
 - d. Penolong Peguamcara Negara

- 25) Kemudahan-kemudahan yang dihulurkan semasa mengikuti kursus secara separuh masa (*part time*) di dalam negeri mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 07/2021 ialah
- a. Yuran Pengajian & Diikat Janji (*Bond*)
 - b. Elaun Buku & Elaun Projek
 - c. Pinjaman Perumahan & Pinjaman Kereta
 - d. a, b dan c
- 26) Apakah syarat penilaian prestasi bagi Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap seperti didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 08/2021..
- a. Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya Gred C 'Baik'
 - b. Penilaian Prestasi Gred B 'Sangat Baik'
 - c. Penilaian Prestasi Gred A 'Cemerlang'
 - d. Jawapan a, b & c
- 27) Berapakah kadar sebulan **elaun penyedia penjagaan** seperti didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 12/2021..
- a. \$150.00
 - b. \$200.00
 - c. \$250.00
 - d. \$300.00

- 28) Berapakah bayaran surcay (%) akan dikenakan kepada organisasi peminjam sepertimana didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 09/2000 (Panduan Pengurusan Personel Program Peminjaman Pegawai Kerajaan Brunei Darussalam Dengan Sektor Swasta)..
- a. 10 %
 - b. 15 %
 - c. 25 %
 - d. 30 %
- 29) Seorang Pegawai Kakitangan B.2 EB3 yang menerima gaji pokok sebanyak \$2,810.00 dibenarkan memangku jawatan Pegawai Kakitangan Kanan B.3 siapa yang bertugas di luar negeri selama 20 hari mulai 06 Ogos hingga 25 Ogos dengan tidak dikehendaki menjalankan tugas-tugas beliau yang biasa. Berapakah elaun memangku yang akan diterima beliau?
- a. \$400.65
 - b. \$500.65
 - c. \$600.65
 - d. \$700.65
- 30) Berapakah kadar Kurnia Elaun Khas yang diberikan kepada pegawai berkontrak yang mana gaji mereka \$3,000.00 sebulan?
- a. \$150.00
 - b. \$170.00
 - c. \$200.00
 - d. Tidak dihulurkan

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja dari 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

- 1) Sila berikan sukatan gaji sehari yang diberikan menurut kelulusan HND, Ijazah Lulus, Ijazah Kepujian, Ijazah Sarjana dan PhD kepada kakitangan bergaji hari sepertimana yang terkandung didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007. (5 Markah)

KELULUSAN	KADAR GAJI SEHARI
HND	
Ijazah Lulus	
Ijazah Kepujian	
Ijazah Sarjana	
PhD	

- 2) Apakah (5) lima dasar yang digunakan dalam melaksanakan tindakan tatatertib? (5 Markah)
- 3) Ada beberapa tindakan tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga perkhidmatan awam menurut kesalahan yang dilakukan. Sila sebutkan 5 (lima) sahaja tindakan tatatertib tersebut. (5 Markah)

- 4) Elaun Bermalam boleh dibayar kepada semua pegawai dalam Bahagian I, II, III, IV DAN V (termasuk kakitangan bergaji hari) yang menjalankan tugas di dalam negeri dan tinggal bermalam di luar dari kawasan tempatnya bertugas. Berapakah kadar elaun berkenaan. (5 Markah).

BAHAGIAN	KADAR (semalam)
I	
II	
III	
IV	
V	

- 5) Berapakah kadar elaun sara hidup yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan dalam Bahagian I, II, III, IV DAN V. (5 Markah)

BAHAGIAN	KADAR ELAUN SEBULAN
I	
II	
III	
IV	
V	

- 6) Warga perkhidmatan awam yang bersara wajib akan diperuntukkan kemudahan pencen atau pencen yang dikurangkan dan baksis tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sila sebutkan 5 (lima) syarat berkenaan. (5 Markah)

- 7) Sila sebutkan berapa Peratus (%) markah bagi penilaian prestasi pegawai dan kakitangan kerajaan dalam Gred A, B, C, D dan E (5 markah)

GRED	MARKAH (%)
A	
B	
C	
D	
E	

- 8) Cuti tanpa catat hanya diberikan kepada pegawai perkhidmatan awam yang menyertai kegiatan-kegiatan apa? Sila sebutkan lima (5) kegiatan berkenaan. (5 markah)
- 9) Sila sebutkan lima (5) kemudahan-kemudahan yang akan diberikan kepada pegawai perkhidmatan awam yang mengikuti LDP dibawah kategori Skim Cuti Belajar Dalam Negeri (5 Markah)
- 10) Apakah ciri-ciri penilaian prestasi bagi pegawai-pegawai Bahagian V. Sila senaraikan lima (5) ciri-ciri tersebut. (5 Markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan.

SOALAN 1 – LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Awang Osman bin Khamis, berhasrat untuk mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri berpandukan kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 27/1988. Sila jawab soalan-soalan berikut.

1. Sila sebutkan 2 bahagian Skim Latihan Dalam Perkhidmatan sepertimana yang terdapat di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 27/1988. (2 Markah)
2. Apakah kemudahan-kemudahan LDP dalam negeri bagi pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengikuti Skim Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri? (6 Markah)
3. Berapakah tempoh ikat janji **(bond)** berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh kursus seperti berikut: (5 Markah)
 - Kurang daripada empat (4) bulan
 - Empat (4) bulan hingga kurang daripada lapan (8) bulan
 - Satu (1) tahun hingga kurang daripada dua (2) tahun
 - Empat (4) tahun hingga kurang daripada lima (5) tahun
 - Tujuh (7) tahun hingga kurang daripada lapan (8) tahun

4. Skim Latihan Dalam Perkhidmatan akan ditamatkan dan seterusnya pegawai dan kakitangan kerajaan berkenaan akan dikenakan tindakan yang bersesuaian jika gagal mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan dengan LDP seperti yang terkandung di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri dan Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam, Peraturan-Peraturan Am Pegawai Kerajaan (General Orders) 1961, Surat Perjanjian dan Surat Kebenaran LDP yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Sila sebutkan 4 tindakan-tindakan yang boleh diambil keatas pegawai dan kakitangan berkenaan (4 Markah).
5. Bagaimana kedudukan cuti pegawai dan kakitangan kerajaan semasa dibenarkan mengikuti Skim Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri? (1/2 Markah).

SOALAN 2 – PERLANTIKAN PEGAWAI KONTRAK

Dayang Sarinah bte Aman, Pegawai Pentadbir Tkt 1 telah diamanahkan untuk menyelaras dan menjawab beberapa persoalan hal ehwal perlantikan pegawai kontrak di tempat beliau bertugas pada masa kini. Sila jawab soalan-soalan berikut.

- 1) Lantikan pegawai kontrak di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah secara sementara. Sila sebutkan 2 jenis lantikan kontrak yang ada pada ketika ini. (2 Markah).

- 2) a) Berapakah kadar baksis (%) yang diberikan kepada para pegawai kontrak tempatan? (2 Markah)
- b) Berapakah kadar baksis (%) yang diberikan kepada para pegawai kontrak Asing Bahagian IV bagi kontrak pertama dan kedua? (2 Markah)
- c) Berapakah jumlah kelayakan cuti pegawai kontrak tempatan yang berumur 40 Tahun keatas dalam Bahagian I & II? (2 Markah)
- d) Berapakah jumlah kelayakan cuti pegawai kontrak Asing yang berumur 40 Tahun keatas dalam Bahagian I & II? (2 Markah)
- e) Bagaimanakah kedudukan cuti pegawai kontrak asing yang tidak diambil dalam satu tempoh kontrak yang telah ditetapkan? (2 Markah)
- 3) Apakah faedah-faedah yang layak diberikan kepada pegawai kontrak jika tidak disambung atau ditamatkan perkhidmatannya? Sila senaraikan lima (5) faedah-faedah tersebut (5 Markah).
- 4) Apakah tahap penilaian prestasi 2 tahun kebelakangan bagi pembaharuan perkhidmatan kontrak? (1/2 Markah).

SOALAN 3 – AUDIT DALAMAN

Baru-baru ini, satu Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam telah dikeluarkan. Surat Keliling berkenaan adalah mengenai '**Penubuhan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Penubuhan Unit Audit Dalaman di Kementerian**'. Sila jawab soalan berikut:

- 1) Sila sebutkan bilangan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan 'Penubuhan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Penubuhan Unit Audit Dalaman di Kementerian' ? (2 Markah)
- 2) Unit Audit Dalaman hendaklah ditubuhkan secara berpusat (*centralised*) sepenuh masa di peringkat kementerian sahaja. Apakah ciri-ciri Unit Audit Dalaman? (6 Markah)
- 3)
 - a) Apakah jenis pengauditan yang akan dilaksanakan oleh Unit Audit Dalaman? (4 Markah)
 - b) Unit Audit Dalaman perlu ada hubungan dan kerjasama berterusan dengan Jabatan-Jabatan tertentu dalam kerajaan. Sila senaraikan Jabatan yang dimaksudkan? (3 Markah)
 - c) Bagi mana-mana pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan kerajaan yang enggan memberi kerjasama kepada pegawai dan kakitangan Unit Audit Dalaman, apakah tindakan yang boleh diambil (2 Markah)
 - d) Apakah Akta yang mengawal pegawai dan kakitangan Unit Audit Dalaman? (1/2 Markah).